

TARIKH	25/11/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	38	RUANGAN	Sukan

93 pasukan sahut cabaran futsal BH, TH

Bangi: Sebanyak 93 pasukan berentap memburu kejuaraan Kejohanan Futsal Antara Sekolah Menengah dan Antara Universiti 2012, edisi kedua anjuran Berita Harian dan Tabung Haji (TH), di Galaxy Futsal Bangi, selama dua hari bermula semalam.

Lebih 1,000 pelajar sekolah serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) mengambil bahagian termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institusi pengajian tahfiz al-Quran, Darul Quran dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kategori sekolah menengah pula disertai Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor, Sekolah Menengah Agama

(SMA) Persekutuan Kajang, dan SMA Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam.

Pengurus Besar Bahagian Jualan New Straits Times Press (NSTP), Mohd Azrai Ariffin dan Pengu-
rus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som turut hadir menyaksikan pertandingan, semalam.

“Aktiviti seperti ini diharapkan dapat membantu membina generasi muda yang aktif dengan gaya hidup sihat. Ini adalah perantara mengeratkan ukhuwah antara ahli kelab TaHa atau TaHa@U,” kata Mohammad Saimi.

Bagi pelajar, Mohamad Fakhrol Hazir Azmi, 21, dia tidak meletakkan harapan tinggi untuk mun-

cul juara tetapi yakin pasukannya mampu memberikan saingan sengit selepas menjalani latihan setiap minggu.

Juara kategori universiti akan membawa pulang hadiah RM3,000, naib juara RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000 manakala juara kategori sekolah menengah menerima RM1,500, naib juara (RM1,000) dan tempat ketiga (RM500).

Lima pasukan akan dipilih menerima hadiah saguhati bagi setiap kategori dan membawa pulang wang tunai RM300. Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan turut di-
meriahkan dengan persembahan penyanyi Siti Nordiana Alias.